

AL-QURAN

- Ini bertetapan dengan firman Allah SWT yang menerangkan kepentingan *hilal* dalam aspek penentuan waktu. “Mereka bertanya kepadamu mengenai anak bulan. Katakanlah: anak bulan itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia, dan ibadat haji. Dan bukanlah perkara kebajikan kamu memasuki rumah dari belakangnya (ketika kamu berhram) tetapi kebajikan itu ialah orang yang bertakwa; dan masuklah ke rumah-rumah itu melalui pintunya, serta bertakwalah kepada Allah supaya kamu berjaya.” (Surah al-Baqarah :189).
- “Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan perbezaan (antara yang benar dan yang salah). Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan maka hendaklah ia berpuasa dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir (lalu ia berbuka) maka (wajib baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkannya itu pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.” (Surah al-Baqarah :185).

HADITH

- Qutaibah menyampaikan kepada kami dari Abu al-Ahwash, dari Simak bin Harb, dari Ikrimah, dari Ibnu Abbas bahawa Rasulullah SAW bersabda:
 “Janganlah kamu berpuasa sehari sebelum Ramadan. Mulailah berpuasa setelah melihat *hilal* dan berbukalah (akhiri puasa Ramadan) setelah melihatnya. Jika *hilal* terhalang oleh awan (kerana cuaca mendung), genapkanlah (hitungan bulan Syaaban) menjadi tiga puluh hari.”
 (Jami' at-Tirmidzi, Hadis No.688).
- Abu Marwan al-Utsmani menyampaikan kepada kami dari Ibrahim bin Sa'd, dari az-Zuhri, dari Sa'id bin al-Musayyib, dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda :
 “Apabila kamu melihat *hilal*, berpuasalah. Apabila kamu melihatnya (pada akhir bulan), berhentilah berpuasa. Namun, jika (*hilal*) tertutup awan, berpuasalah selama tiga puluh hari.”
 (Sunan Ibnu Majah, Hadis No.1655).

PANDANGAN ULAMA

Ibn Qasim al-Abadi

(Kitab Hasyiah Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj – حاشية تحفة المحتاج بشرح المنهاج)

“Bila hisab qat'ie telah menunjukkan wujudnya *hilal* setelah matahari terbenam sehingga boleh dilihat tetapi tidak dapat dilihat dengan mata, sepatutnya dianggap cukup yang demikian (menggunakan hisab).

SISTEM TAKWIM HIJRI

Secara ringkasnya penentuan awal bulan hijri ditentukan berdasarkan beberapa sistem atau kaedah seperti berikut:

KAEDAH TAKWIM HIJRI

تقويم هجري


Merujuk kepada bilangan hari bagi bulan-bulan yang disusun secara berselang-seli di antara 29 dan 30. Ini bermaksud, jika bilangan hari dalam bulan Muharam adalah 29, maka bilangan bulan Safar adalah 30 hari dan seterusnya.

29 30 29 30

KAEDAH IJTIMAK HAKIKI

اجتماع حقيقي

Kaedah ini merujuk kepada ijtimak yang berlaku pada 29hb hijri. Seandainya ijtimak berlaku sebelum matahari terbenam maka dari matahari terbenam dikira awal bulan hijriah yang baru. Sebaliknya, jika ijtimak terjadi selepas matahari terbenam maka hari esoknya digenapkan menjadi 30 hari.



KAEDAH IJTIMAK WUJUD AL-HILAL

اجتماع وجود الهلال

Merujuk kepada ijtimak yang berlaku pada 29hb hijri sebelum terbenam matahari, bulan baru bermula apabila hilal telah berada di ufuk dalam tempoh yang sesingkatnya selepas matahari terbenam tanpa mengira sama ada *hilal* kelihatan atau tidak kelihatan.




KAEDAH RUKYAH DAN HISAB (IMKANUR RUKYAH)

إمكان الرؤية

Kaedah ini merujuk kepada penggunaan rukyah dan hisab bagi menentukan kedudukan dan keadaan *hilal* pada 29hb hijri ketika matahari terbenam serta memenuhi syarat seperti berikut:

- Ketinggian altitud *hilal* memenuhi kadar nilai yang ditentukan.
- Jarak lengkung (*elongasi*) matahari ke bulan menepati nilai yang ditentukan.



Rajah 2: Kriteria Ketetapan Imanur-Rukyah

KRONOLOGI PENETAPAN TAKWIM HIJRI DI MALYSIA

Proses penentuan awal bulan hijri di Malaysia berdasarkan rukyah dan hisab (*Imkanur Rukyah*). Kaedah ini digunakan untuk menentukan awal bulan utama seperti Ramadan, Syawal serta Zulhijjah. Kaedah ini juga digunakan dalam menentukan awal bulan lain bagi penyusunan kalendar (takwim) Islam. Proses cerapan rasmi hilal bermula pada petang 29 hari bulan pada bulan Syaaban, Ramadan serta Zulkaedah. Jawatankuasa Rukyah melihat anak bulan akan melaksanakan proses cerapan di 30 tempat rasmi yang ditetapkan seluruh Malaysia. Sekiranya hilal jelas kelihatan dengan alat bantuan optik (teodolit, binokular atau teleskop) maka, keesokan harinya akan dikira sebagai awal bulan Ramadan, Syawal, Zulhijjah. Sekiranya keadaan sebaliknya (tidak kelihatan) disebabkan beberapa faktor cuaca (mendung, berjelebu, awan tebal) kriteria *Imkanur Rukyah* akan digunapakai bagi menentukan sama ada hilal wujud atau tidak wujud. Seandainya dari perkiraan mendapati hilal wujud (walaupun tidak dilihat dengan mata kasar) maka keesokannya adalah dikira bulan baru tetapi jika sebaliknya maka digenapkan menjadi 30 hari pada hari keesokan harinya.

TAHUN	KAEDAH	KRONOLOGI
1934	Rukyah	Aktiviti cerapan <i>hilal</i> yang pertama dilakukan oleh Syed Alwi bin Tahir al-Haddad di Menara Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru.
1972 - 1977	Rukyah dan Hisab	Disyaratkan umur bulan ketika matahari terbenam hendaklah melebihi 8 jam selepas ijtimak.
1978 - 1982	Rukyah	Permulaan bulan hijriah ditentukan melalui kaedah rukyah (melihat <i>hilal</i> semata-mata tanpa mengambil kira hitungan falak hisab).
1983 - 1991	Rukyah dan Hisab	Kriteria ini telah dibincangkan di Istanbul bahawa menganggap <i>hilal</i> ada dan boleh kelihatan jika memenuhi syarat berikut : • Ketinggian <i>hilal</i> (altitud) tidak kurang daripada 5.5° ketika matahari terbenam . • Ijtimak telah berlaku tidak kurang daripada 8 jam sebelum matahari terbenam. • Jarak lengkung (<i>elongasi</i>) bulan ke matahari tidak kurang dari 7.5°
1992 - 1994	Rukyah dan Hisab	Mengikut kriteria MABIMS, hilal dianggap ada dan boleh kelihatan jika memenuhi kriteria seperti berikut : • Ketinggian (altitud) hilal tidak kurang daripada 2° ketika matahari terbenam dan jarak lengkung (<i>elongasi</i>) bulan ke matahari tidak kurang 3°. • Umur hilal (anak bulan) ketika bulan terbenam tidak kurang daripada 8 jam selepas ijtimak.
1995	Rukyah dan Hisab	Jawatankuasa Teknikal Kalendar Islam Kebangsaan telah menetapkan kaedah <i>Imkanur Rukyah</i> mengikut kriteria MABIMS bagi menentukan awal semua bulan Islam (bulan hijriah).
1996-2021	Rukyah dan Hisab	Mengikut kriteria MABIMS, hilal dianggap ada dan boleh kelihatan jika memenuhi kriteria seperti berikut : • Ketinggian (altitud) hilal tidak kurang daripada 2 darjah ketika matahari terbenam dan jarak lengkung (<i>elongasi</i>) bulan ke matahari tidak kurang 3 darjah. • Umur <i>hilal</i> (anak bulan) ketika bulan terbenam tidak kurang daripada 8 jam selepas ijtimak.
2021	Rukyah dan Hisab	Negara-negara MABIMS bersetuju <i>hilal</i> dianggap ada dan boleh kelihatan jika memenuhi kriteria seperti berikut: • Ketinggian (altitud) hilal tidak kurang daripada 6.4 darjah ketika matahari terbenam dan jarak lengkung (<i>elongasi</i>) bulan ke matahari tidak kurang 3 darjah.

INFO FALAK



PENENTUAN AWAL BULAN ISLAM

EDARAN PERCUMA

PENENTUAN AWAL BULAN ISLAM

Dalam takwim Islam atau takwim hijri, melihat anak bulan atau rukyah menjadi ciri utama bagi penentuan awal bulan. Untuk penyusunan takwim pula, kaedah pengiraan dengan menggunakan syarat kenampakan anak bulan dipraktikkan.

- Rukyah**
Rukyah ialah melihat *hilal* pada 29hb hijri dengan mata kasar atau dengan alatan optik seperti binokular, teleskop dan teodolit yang dikendalikan oleh individu yang mahir dan terlatih di lokasi cerapan rasmi.
- Hilal**
Hilal ialah fasa bulan selepas ijtimak atau selepas bulan melengkapkan satu edaran sinodis mengelilingi bumi.
- Ijtimak**
Ijtimak ialah semasa bulan mengelilingi bumi dalam orbitnya, ia akan sampai kepada satu titik pertemuan atau satu garisan dengan matahari (longitud ekliptik yang sama). Ketika ijtimak, bahagian bercahaya menghadap matahari, manakala bahagian yang gelap menghadap arah bumi.
- Hisab**
Hisab ialah kaedah hitungan atau pengiraan falak bagi menentukan kedudukan serta fizikal objek-objek samawi khususnya *hilal*.

DEFINISI

PERBEZAAN

BIL	PERKARA	MALAYSIA	ARAB SAUDI
1	Kaedah	Rukyah dan hisab negara sendiri yang telah diputuskan oleh Majlis Raja-Raja	Rukyah semata-mata dan bergantung kepada pengisytiharan oleh kerajaan Arab Saudi.
2	Tempat Terbit (مطلع - <i>Matla'</i>)	Berkedudukan lebih Timur berbanding Arab Saudi.	Berkedudukan lebih Barat menyebabkan peluang kenampakan <i>hilal</i> lebih tinggi.
3	Kriteria Imkanur Rukyah Ketinggian :6.4° Jarak Lengkung: 3°	Tarikh: 20 Ogos 2009/1430H Ketinggian: -1° 22' Jarak Lengkung: 3° 01'	Tarikh: 20 Ogos 2009/1430H Ketinggian :4° 22' Jarak Lengkung: 4° 01'

Komuniti Islam di Jepun telah bertanya kepada negara Arab Saudi berkenaan sejauh mana kesahan *matla' hilal* dalam menentukan awal Zulhijah dan Aidiladha di tempat mereka.

Kenyataan rasmi negara Arab Saudi memaklumkan supaya komuniti Islam di Jepun berhari raya dan berpuasa sunat sempena hari Arafah mengikut hasil cerapan *hilal* di Jepun ataupun negara yang sama *matla'* dengannya seperti negara MABIMS. Oleh kerana itulah, komuniti Islam di Jepun menerima pakai keputusan cerapan *hilal* di Malaysia.



PERBEZAAN

ADAKAH PUASA PERLU MENGIKUT ARAB SAUDI ATAU MATLA' NEGARA MASING-MASING

Mazhab Syafie mengatakan bahawa apabila *rukyyatul hilal* telah ditetapkan di suatu kawasan tertentu, maka wajib bagi para penduduk kawasan yang dekat dengannya dari segala penjuru untuk berpuasa berdasarkan ketetapan tersebut. Yang dimaksudkan dengan dekat di sini tercapai dengan satu *matla'* (tempat munculnya bulan) seperti adanya jarak antara kedua kawasan kurang dari 24 farsakh (± 192 km). Sedangkan bagi penduduk kawasan yang jauh, maka mereka tidak berkewajipan berpuasa dengan rukyah tersebut kerana perbezaan *matla'* (tempat munculnya bulan) (*Fiqh a'la al-Mazahib al-Arba'ah-alfiqhah* (الفقه على المذاهب الأربعة)). Daripada kenyataan di atas menunjukkan negara yang mana satu *matla'* (terbit) adalah sama dari segi permulaan bulan Islam tetapi bagi Malaysia berada jauh di Asia Tenggara, maka penentuan awal bulan tidak perlu mengikut Arab Saudi.

DALIL YANG MENOLAK PENENTUAN AIDILADHA MENGIKUT ARAB SAUDI

HUJAH MAZHAB SYAFIE

Rukyah *hilal* (melihat anak bulan) adalah tertakluk kepada *matla'* yang menunjukkan kepada waktu terbit dan terbenam sama ada bulan atau matahari. Ini merujuk kepada hadis Zuhair bin Harb menyampaikan kepadaku dari Ismail dari Ayub, dari Nafi', dari Ibnu Umar bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Sesungguhnya satu bulan itu ada dua puluh sembilan hari. Janganlah kamu berpuasa hingga kamu melihatnya. Dan janganlah kamu berhari raya hingga kamu melihatnya. Jika ia tidak terlihat, sempurnakanlah."* (Sahih Muslim, Hadis No.2502).

PELAKSANAAN PUASA SUNAT ARAFAH 9 ZULHIJAH

Yahya bin Yahya menyampaikan kepada kami dari Malik, dari Abu an-Nadhr, dari Umair maula Abdullah bin Abbas, dari Ummu al-Fadhl binti al-Harith bahawa orang-orang yang bertengkar di dekatnya pada hari Arafah tentang puasa Rasulullah SAW. Sebahagian mereka mengatakan, *"Beliau puasa."* Sedangkan sebahagian lagi mengatakan, *"Beliau tidak berpuasa."* Aku pun mengiriskan segelas susu kepada beliau. Saat itu beliau sedang wukuf di atas untanya di Arafah dan beliau pun meminumnya. (Sahih Muslim, Hadis No.2632).

Menurut mazhab Syafie orang yang sedang melaksanakan ibadah haji apabila ia mukim di Mekah kemudian pergi ke Arafah pada siang hari, maka puasanya pada hari Arafah adalah menyalahi yang utama. Tetapi kalau ia pergi ke Arafah pada malam hari, maka ia boleh berpuasa. Sedangkan jika orang yang sedang melaksanakan haji adalah seorang musafir, maka secara mutlak disunnahkan untuk tidak berpuasa. (*Fiqh a'la al-Mazahib al-Arba'ah-alfiqhah* (الفقه على المذاهب الأربعة)).

ASAS PERTIMBANGAN HUKUM



TEMPAT CERAPAN



SENARAI TEMPAT CERAPAN RASMI DI MALAYSIA

- PERLIS**
 - 1 Menara tinjau Masjid Al-Hussain Kuala Perlis.
- KEDAH**
 - 1 Pulau Seiyak, Kuala Muda, Kedah
 - 2 Menara Aior Seian, Kedah
 - 3 Perumahan Indah, Langkawi, Kedah
- PULAU PINANG**
 - 1 Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh, Pulau Pinang
- PERAK**
 - 1 Pantai Pasir Panjang, Perak
- SELANGOR**
 - 1 Bukit Cerap, Sabak Bernam, Selangor
 - 2 Bukit Jugra, Banting, Selangor
 - 3 Bukit Melawati, Kuala Selangor, Selangor
 - 4 Pulau Angsa, Kuala Selangor, Selangor
- NEGERI SEMBILAN**
 - 1 Teluk Kemang, Negeri Sembilan
- MELAKA**
 - 1 Kompleks Falak Al-Khwarizmi, Tanjung Bidara, Melaka
- JOHOR**
 - 1 Pontian Kecil, Johor
- PAHANG**
 - 1 Bukit Tanjung Baru, Nerasi, Pekan, Pahang
 - 2 Bukit Peimung, Kuantan, Pahang
 - 3 Gunung Bemung, Cameron Highland, Pahang
- TERENGGANU**
 - 1 Balai orang UNISZA, Mukim Mawang, Setiu, Terengganu
 - 2 Pulau Perhentian Besar, Terengganu
 - 3 Bukit Kemuning, Kemaman, Terengganu
 - 4 Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu
- KELANTAN**
 - 1 Menara Bangunan SEDC, Kota Bharu, Kelantan
 - 2 Bukit Kampung Tembeling, Kuala Krai, Kelantan
 - 3 Bukit Perakis, Pasir Puteh, Kelantan
- SARAWAK**
 - 1 Teluk Bandang, Kuching, Sarawak
 - 2 Bukit Tanjung Batu, Bintulu, Sarawak
 - 3 Tanjung Lubang, Miri, Sarawak
- SABAH**
 - 1 Balai Cerapan Al-Biruni Tanjung Dumpli, Sabah
 - 2 Menara Universiti Malaysia Sabah
- WILAYAH PERSEKUTUAN**
 - 1 Menara Kuala Lumpur
 - 2 UMS, Kampus Antarabangsa Labuan

Diterbitkan Oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
 Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
 Tel : 04-263 2975 Faks : 04-263 2985

<http://muftipenang.gov.my>
 mufti@penang.gov.my
 @muftipulapinang

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang